



جابتن حال إحوال اِكْلام إسلام قولوا قينخ  
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG



TEKS KHUTBAH  
**EMPATI DAN IHSAN,  
ELAK KEZALIMAN**



Tarikh Bacaan:  
**7 FEBRUARI 2025M / 8 SYAABAN 1446H**

Dibiayai :



MAJLIS AGAMA ISLAM  
NEGERI PULAU PINANG

Diterbitkan :



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM  
PULAU PINANG

***Jawatankuasa***  
***Panel Semakan Teks Khutbah***  
***Negeri Pulau Pinang***

---

- 1. Sahibus Samahah Prof. Madya Dato' Dr. Mohd Sukki bin Othman (Pengerusi)**  
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang
  
- 2. YBhg. Ustaz Muhammad Fadzil bin Alias**  
Pengarah, Yayasan Dakwah Islamiyah (YADIM) Pulau Pinang
  
- 3. YBhg. Ustaz Ahmad bin Hashim**  
Penasihat, Pusat Pengajian Tahfiz Al-Quran (PPTQ)  
Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB)
  
- 4. YBhg. Ustaz Subki bin Mohamed**  
Mantan Pensyarah Kanan, IPG Kampus Tuanku Bainun
  
- 5. YBrs. Dr. Mohamad Zaki bin Hj Abdul Halim**  
Penolong Mufti, Bahagian Fatwa,  
Jabatan Mufti Negeri Negeri Pulau Pinang
  
- 6. YBhg. Ustazah Rohayati binti Daud**  
Mantan Penyelaras Program Intervensi Kaunseling,  
Universiti Sains Malaysia
  
- 7. YBhg. Ustaz Ahmad Shahimi bin Senawi**  
Pendakwah
  
- 8. Ustaz Mohd Hanif bin Omar @ Wahab (Setiausaha)**  
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Dakwah  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP)



# Empati dan Ihsan Elak Kezaliman

7 Februari 2025M/ 8 Syaaban 1446H

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ، وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ، وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ. وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّم عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدًا وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَوْصِيكُمْ أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ، فَاتَّقُوا اللَّهَ يَا عِبَادَ اللَّهِ قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: وَأَنْفِقُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ وَأَحْسِنُوا إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ ﴿١١٥﴾

Maksudnya: “Dan belanjakanlah (harta bendamu) di jalan Allah (untuk menegakkan agama Allah) dan janganlah kamu mencampakkan dirimu sendiri ke dalam kebinasaan (dengan bersikap bakhil) dan berbuat baiklah kerana sesungguhnya Allah mengasihi orang yang berbuat baik”.

## SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,

Khatib berpesan kepada diri khatib sendiri dan seluruh Jemaah sekalian, marilah kita meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah dengan sebenar-benar takwa. Peliharalah diri kita daripada segala bentuk maksiat dan dosa, serta lengkapkanlah amal ibadah kita dengan amalan yang mendekatkan diri kepada Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى*.

Khatib mengingatkan para jemaah agar memberikan sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan dan tidak melakukan perkara yang sia-sia. Alangkah ruginya kita yang sudah berada di dalam masjid ini, tetapi masih terleka dengan urusan dunia. Mimbar akan membicarakan khutbah bertajuk: **“Empati dan Ihsan, Elak Kezaliman”**.

### **SIDANG JEMAAH RAHIMAKUMULLAH,**

Negara pernah digemparkan dengan kejadian di mana seorang lelaki bukan muslim yang dikatakan mengalami gangguan mental telah memasuki masjid dan menyebabkan kekacauan berlaku. Terdapat sebuah hadis yang diriwayatkan daripada Wathilah bin Al-Asqa' رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ bahawa Rasulullah صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ bersabda yang bermaksud:

Maksudnya: *“Jauhkanlah masjid-masjid kamu daripada kanak-kanak, orang gila, berjual beli, pergaduhan, kebisingan, pelaksanaan hukum hudud dan menghunuskan pedang. Letakkanlah di pintunya tempat bersuci dan harumkanlah masjid itu pada hari Jumaat.”*

﴿Hadis Riwayat Ibnu Majah﴾

Daripada hadis tersebut, dapat difahami bahawa baginda Nabi Muhammad صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ melarang orang yang mengalami gangguan mental daripada memasuki masjid. Namun, para ulamak berpendapat bahawasanya larangan tersebut bukanlah bermaksud mengharamkannya tetapi ia dihukumkan makruh. Di antara hukumnya ialah untuk menghindari daripada mencemari kesucian masjid yang mungkin dilakukan oleh mereka.

Oleh itu, menjadi kewajipan bapa, penjaga atau wali untuk memerhati anak atau orang yang di bawah jagaan mereka (termasuk orang yang mengalami gangguan mental) daripada memasuki masjid dan sentiasa bersama mereka serta memantau pergerakan mereka ketika berada di dalam masjid supaya dapat dihindari daripada perbuatan yang boleh mencemarkan kesuciannya.

### **SIDANG JEMAAH SEKALIAN,**

Justeru khatib ingin menyarankan tindakan yang boleh diambil oleh pihak berkenaan bagi menangani situasi tersebut:

#### **Pertama: Bertindak dengan adab dan akhlak yang baik**

Jika orang yang mengalami gangguan mental memasuki masjid dan tidak menyebabkan gangguan kepada jemaah yang bersolat dan beriktikaf di situ, maka hendaklah disantuni secara baik.

Namun, jika individu tersebut menunjukkan tingkah laku yang mengganggu ketenteraman jemaah, maka langkah berakhlak perlu diambil iaitu dengan memberikan nasihat dan tunjuk ajar yang baik dengan menggunakan bahasa yang lunak, tidak menengking dan tidak bercakap kasar. Sekiranya mereka menunjukkan sifat yang agak agresif, maka tangani dengan hikmah tanpa melibatkan kekerasan kerana mereka adalah golongan yang perlu disayangi dan bukan dibenci.

#### **Kedua: Meminta bantuan pihak berkuasa**

Jika keadaan sudah tidak dapat dikawal dan membahayakan keselamatan jemaah atau individu tersebut, pihak pengurusan masjid boleh meminta bantuan pihak berkuasa bagi menyelesaikan isu tersebut.

Ini bagi memastikan situasi sedemikian tidak mencetuskan masalah yang lebih besar.

Tindakan sedemikian diambil berdasarkan contoh daripada Nabi صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ yang ditunjukkan dalam satu peristiwa yang direkodkan dalam hadis berikut:

Maksudnya: *“Ketika kami berada di masjid bersama Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ, tiba-tiba datang seorang arab badawi lalu lalu berdiri untuk buang air kecil dalam masjid. Para sahabat Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ menggergaknya, tetapi Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ bersabda, “Janganlah kamu menghalangnya, biarkan dia selesai membuang air kecil terlebih dahulu.” Maka mereka (para sahabat) membiarkan orang tersebut sehingga dia selesai membuang air kecil. Setelah itu, Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ pun menasihatinya:*

*“Sesungguhnya masjid ini tidak sesuai untuk membuang air kecil dan kekotoran, masjid adalah tempat untuk zikir, solat dan membaca Al-Quran.”* Atau sebagaimana maksud sabdaan Nabi صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ. Setelah itu, Nabi صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ memerintahkan seseorang untuk mengambil satu baldi air dan menyiraminya.”

﴿Hadis Riwayat Muslim﴾

## **MUSLIMIN DAN MUSLIMAT RAHIMAKUMULLAH,**

Dihukumkan makruh membawa atau membenarkan orang yang mengalami gangguan mental untuk memasuki masjid, berdasarkan dalil-

dalil daripada hadis serta kenyataan para fuqaha' kerana dikhuatiri mereka akan mencemarkan kehormatan dan kesucian masjid.

Namun, dalam keadaan terdesak seperti tidak ada sesiapa yang menemani dan mengawasi mereka di luar masjid, maka diharuskan untuk membawa mereka masuk ke dalam masjid tetapi pergerakan mereka mestilah dipantau oleh waris atau penjaga supaya dapat menghindari mereka daripada melakukan perbuatan yang boleh mencemarkan kesucian masjid.

Sekiranya orang yang mengalami gangguan mental masuk ke dalam masjid dengan sendiri serta membuat kekacauan atau gangguan di dalam masjid, maka hendaklah dikeluarkan mereka dengan cara yang baik dan berhikmah. Akhlak sebegini jika diamalkan oleh semua lapisan masyarakat, maka peristiwa seperti seorang lelaki muslim OKU mental dibelasah di pasar tani dan seorang OKU wanita yang dicabul atau dirogol serta kejadian-kejadian lain seumpamanya, pasti tidak akan berulang kembali.

## **SIDANG JUMAAT YANG DIMULIAKAN,**

Intisari daripada khutbah yang dibacakan pada hari ini:

**Pertama:** Islam menitikberatkan penjagaan kesucian masjid sebagai tempat ibadah dan zikir.

**Kedua:** Sekiranya golongan OKU mental memasuki masjid secara sendiri dan menimbulkan gangguan, tindakan menangani mereka perlu dilakukan dengan hikmah, adab, dan akhlak yang baik, tanpa kekasaran.

**Ketiga:** Sekiranya keadaan lebih membahayakan, pihak pengurusan masjid atau masyarakat boleh mendapatkan bantuan pihak berkuasa.

**Keempat:** Akhlak yang baik dalam menangani situasi ini dapat mencegah insiden kekasaran atau ketidakadilan terhadap golongan OKU atau mereka yang mengalami gangguan mental, sejajar dengan sunnah Nabi صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ.

Firman Allah dalam surah al-Asr:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

وَالْعَصْرِ ۝١ إِنَّ الْإِنْسَانَ لَفِي خُسْرٍ ۝٢ إِلَّا الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ

وَتَوَاصَوْا بِالْحَقِّ وَتَوَاصَوْا بِالصَّبْرِ ۝٣

Maksudnya: “Demi masa, sesungguhnya manusia berada dalam kerugian, kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh, saling berpesan tentang kebenaran dan kesabaran.”

﴿Surah al-Asr ayat 1 hingga 3﴾

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ اللَّهُ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## Khutbah Kedua

2025M/1446H

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ،  
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ يُحْيِي وَيُمِيتُ  
وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ دَاعِيًا إِلَى سِرَاجِ مُنِيرٍ.

صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّم عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ، عَدَدَ خَلْقِهِ وَرِضَا نَفْسِهِ،  
وَزِينَةَ عَرْشِهِ وَمِدَادَ كَلِمَاتِهِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَى رَبَّكُمْ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَاعْمَلُوا بِطَاعَتِهِ  
وَمَرْضَاتِهِ.

### MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH,

Untuk makluman semua, Mesyuarat Khas Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bilangan 2 Tahun 2019 memutuskan bahawa **haram** memindahkan zakat ke luar negeri Pulau Pinang berdasarkan masalah semasa kerana ia menafikan hak dan menjejaskan keperluan asnaf. Begitu juga, Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bilangan 2 Tahun 2024 yang memutuskan individu termasuk peniaga dan usahawan Islam yang menjalankan perniagaan di Pulau Pinang, adalah **diwajibkan** membayar zakat perniagaan kepada Zakat Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP).

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ  
وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ.  
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ،

اللَّهُمَّ أَعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصُرْ مَنْ نَصَرَ  
الدِّينَ، وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ أَنْصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ فِي فَلَسْطِينَ وَفِي كُلِّ  
مَكَانٍ، وَفِي كُلِّ زَمَانٍ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَصْلِحْ أَيْمَتَنَا وَوُلَاةَ أُمُورِنَا، وَاجْعَلْ وِلَايَتَنَا فِيْمَنْ خَافَكَ وَاتَّقَاكَ يَا رَبَّ  
الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيْزِيَا خُصُوصًا وَوَلَايَةَ قُؤْلَاوِ فَيَنْعِ آمِنًا مُطْمَئِنًا  
سَخَاءَ رَحَاءٍ، دَارَ عَدْلِ وَإِيْمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ، يَا ذَا الْفَضْلِ وَالْإِحْسَانِ.

اللَّهُمَّ وَفِّقْ قَادَتَنَا وَزُعَمَاءَنَا وَوُلَاةَ أُمُورِنَا لِمَا فِيْهِ عِزُّ دِيْنِكَ وَنَصْرُ شَرِيْعَتِكَ، اللَّهُمَّ  
اجْعَلْهُمْ هُدَاةً مُهْتَدِينَ صَالِحِينَ مُصْلِحِينَ وَاشْمَلِ اللَّهُمَّ بِعِنَايَتِكَ وَتَوْفِيْقِكَ عَلَى  
صَاحِبِ الْجَلَالَةِ،

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan  
Agong, Sultan Ibrahim dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri  
Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah.

وَكَذَلِكَ صَاحِبِ الْفَخَامَةِ،

Tun Ahmad Fuzi Bin Haji Abdul Razak, Yang di-Pertua Negeri Pulau  
Pinang dan Toh Puan Khadijah Binti Mohd Noor.

*Ya Allah! Dengan sifat-Mu yang Maha Pemurah dan Maha  
Penyayang; Jadikanlah kami dan keturunan kami orang yang  
istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, mengeluarkan zakat*

melalui Zakat MAINPP dan melaksanakan waqaf melalui Wakaf MAINPP.

Rahmatilah jua para pembayar zakat dan pewakaf sekalian, serta berkatilah usaha Kerajaan Negeri melalui Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang dalam usaha mewujudkan keseimbangan sosio-ekonomi ummah di negeri yang tercinta ini.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ! إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَائِي ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ  
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ،  
وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ  
يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.



جابتن حال إحوال اكمام إسلام قولواو فینخ  
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG